



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN



KBS : 2/2024

MAJLIS PENYERAHAN PADANG BOLA SEPAK SINTETIK DI KAMPUNG KUMPULAN, ULU MELAKA, LANGKAWI, KEDAH DARUL AMAN

1. Menteri Belia dan Sukan, YB Hannah Yeoh hadir merasmikan Majlis Penyerahan Padang Bola Sepak Sintetik bertempat di Kampung Kumpulan, Mukim Ulu Melaka, Langkawi, Kedah Darul Aman, hari ini.
2. Untuk makluman, projek pembinaan padang sintetik telah menelan perbelanjaan berjumlah RM 3.5 juta dan Sijil Perakuan Siap telah dikeluarkan pada 2 Januari 2024. Pembinaan padang bola sintetik ini bakal memberi manfaat kepada penduduk Kampung Kumpulan dan kawasan Ayer Hangat serta kawasan-kawasan di sekitarnya. Projek ini akan diserahkan kepada Majlis Perbandaran Langkawi (MPL) bagi tujuan pengurusan dan penyelenggaraan fasiliti ini secara lebih baik dan teratur.
3. Kerajaan di bawah pimpinan YAB Perdana Menteri sentiasa komited dalam melaksanakan inisiatif-inisiatif strategik berkaitan belia dan sukan negara, terutamanya bagi meningkatkan aksesibiliti kemudahan sukan yang memberi manfaat secara langsung kepada rakyat. Aspirasi merakyatkan fasiliti sukan menjadi salah satu fokus KBS kerana yakin akan mendapat sambutan baik dari semua pihak.

4. KBS sentiasa berusaha untuk memastikan penyediaan fasiliti dan kemudahan sukan yang sesuai, selesa dan berkualiti kepada masyarakat. Kualiti padang bola sepak yang telah dinaik taraf ini berada di tahap yang terbaik dan diharap dapat dijadikan sebagai medan mencungkil bakat-bakat baru sukan bola sepak dalam kawasan Langkawi sehingga ke tahap profesional suatu hari nanti.

5. Projek ini juga secara tidak langsung membuktikan bahawa fokus KBS bukan sahaja dalam pembinaan dan naik taraf kompleks sukan berskala besar, malah naik taraf kemudahan sukan berskala kecil yang melibatkan gelanggang-gelanggang futsal, gelanggang serba guna, padang bola sepak dan kemudahan lain yang menjadi tumpuan atau kegunaan penduduk dan belia setempat.

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN**

4 FEBRUARI 2024